

12/09/1998

Grafik manusia atur 287 formasi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Grafik manusia yang memukau tumpuan dalam upacara pembukaan Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI (KL '98) di Stadium Nasional malam ini, membabitkan 4,840 ahli Soka Gakkai Malaysia (SGM).

Seramai 220 lagi yang menjadi ahli simpanan, berbaris di hujung kedua-dua barisan grafik yang dipersembahkan.

Mereka yang mula mengambil tempat masing-masing sejak jam 4 petang, mempersembahkan 287 formasi pelbagai grafik, termasuk bendera serta nama 70 negara peserta Sukan Komanwel yang julung kali diadakan di Kuala Lumpur.

Grafik menarik yang dipersembahkan itu mendapat tepukan gemuruh kira-kira 100,000 penonton dalam upacara gilang-gemilang itu yang turut dihadiri Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, serta tetamu dari luar negara.

Peserta grafik ini menerima arahan melalui sistem wayarles apabila dikehendaki menukar kad berwarna yang kemudian diletakkan di atas sebuah besi khas.

Semua mereka yang menyertai SGM secara sukarela memulakan latihan sejak November 1997.

Bagaimanapun, disebabkan ramai adalah pelajar, latihan hanya dapat dijalankan pada hujung minggu dan selalunya mengambil masa antara empat hingga enam jam.

Selain pelajar, kumpulan grafik kali ini turut membabitkan pelbagai golongan dan kerjaya, termasuk suri rumah, pensyarah, jurutera, peguam dan akauntan.

Sehingga semalam, kumpulan itu sudah menjalani 14 latihan dan tiga raptai lengkap.

Menurut jurucakap SGM, semua ahli yang terbabit dengan persembahan grafik itu memerlukan disiplin tinggi bagi melaksanakan tugas masing-masing.

"Mereka yang terbabit perlu berada di tempat masing-masing selama empat jam, langsung tidak boleh bergerak ke mana-mana walaupun ke tandas."

"Di samping itu, mereka juga tidak nampak apa yang berlaku di dalam stadium. Mereka dalam keadaan berjaga-jaga setiap masa kerana hanya disebabkan satu kesilapan, semua orang di dalam stadium dan yang menyaksikan upacara ini secara langsung di seluruh dunia, akan dapat mengesannya," katanya.

Persembahan grafik pertama dalam upacara pembukaan malam ini ialah 'Selamat Datang' dan 'Welcome to Malaysia'.

(END)